Praktis Tatabahasa

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 Yuren dapat _____ keenakan kuih-muih tradisional sewaktu dia melancong ke Malaysia.
A mengamati
B mendekati
C meminati
D merasai

2 Qawiy _____ basikal di laluan basikal yang disediakan untuk penunggang basikal.
A menunggang
B memegang
C memimpin
D menarik

3 "Ayah, _____ berdua amat berminat untuk mempelajari cara bermain wau daripada Tok Awin," kata Aiman kepada ayahnya sambil disokong oleh adiknya.
A saya
B kami
C kamu
D beliau

4 Aidil dan rakan-rakannya memakai jaket keselamatan sebelum _____ menaiki feri untuk ke pulau peranginan itu.
A dia
B kita
C kami
D mereka

B. Gariskan jawapan yang paling sesuai untuk melengkapkan ayat.

1 Aktiviti berkayak dapat (merehatkan, memulihkan) minda.

2 Kita tidak boleh (membuang, menghidu) bahan kimia kerana akan memudaratkan kesihatan kita.

3 (Dia, Baginda) sultan berkenan untuk merasmikan Karnival Kraf Tangan Tradisional yang diadakan di Putrajaya.

4 Abang (mengarahkan, mengingatkan) adik supaya tidak berlari-lari di kawasan lantai yang baru dimop itu.

5 "Pakailah peralatan keselamatan dengan sempurnanya sebelum (kamu, kalian) melakukan aktiviti sukan lasak itu," kata Encik Wafi kepada anaknya.

6 "(Kita, Kami) hendaklah rajin bersenam supaya tubuh badan sentiasa cergas," pesan Cikgu Fahim kepada murid-muridnya.

Revisi Pantas

Kata Ganti Nama Diri
- Contoh **kata ganti nama diri pertama:** *aku, beta, hamba, kami, kita, patik, saya.*
- Contoh **kata ganti nama diri kedua:** *anda, awak, engkau, kamu, kalian, tuanku.*
- Contoh **kata ganti nama diri ketiga:** *dia, beliau, dan mereka.*
- Kata ganti nama diri 'kita' digunakan apabila merujuk saya dan kamu atau kamu semua.

Kata Kerja
- **Objek** dalam kata kerja transitif mesti diletakkan **selepas kata kerja.**
- Kata kerja transitif dalam frasa yang mempunyai **imbuhan beR-...-kan** tidak perlu diikuti oleh **frasa sendi nama.**
- **Frasa kerja pasif diri pertama** dan **diri kedua tidak boleh menerima kata kerja imbuhan pasif 'di-'.** Oleh itu, kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua itu mesti diletakkan di hadapan kata kerja dasar.

LIVEWORKSHEETS